

MENINGKATKAN PELAKSANAAN *NON FACE TO FACE* PELAJAR BIOLOGI DB 024 MELALUI GELUNG PENILAIAN FORMATIF DIGITAL

Oleh:

Norsaliza binti Sabu^a, Noor Hazwani binti Nazri^b, Mohamad Afiq bin Md Amin^c

Kolej Matrikulasi Pulau Pinang, 13200 Kepala Batas, Pulau Pinang

^aEmail: norsalizas@gmail.com

^bEmail: noorhazwaninazri@gmail.com

^cEmail: aminafiq@gmail.com

ABSTRAK

Kajian ini dilaksanakan atas kesedaran untuk meningkatkan pelaksanaan aktiviti none face to face (NF2F) di luar kelas dalam kalangan pelajar Biologi DB 024 di Kolej Matrikulasi Pulau Pinang. Seramai tiga orang pensyarah Biologi dan 48 orang pelajar terlibat dari tiga buah kelas program Sistem Empat Semester (SES) semester dua sesi 2018/2019. Tinjauan awal menunjukkan pelajar-pelajar tidak melaksanakan aktiviti NF2F sebelum memasuki kelas. Mereka mudah hilang fokus dalam kelas. Pencapaian mereka juga rendah dalam kuiz-kuiz, Bioblast dan Ujian Amali Bertulis. Kaedah gelung penilaian formatif digital yang menggunakan aplikasi-aplikasi atas talian percuma iaitu quizizz, google classroom dan google docs diperkenalkan sebagai satu teknik untuk mengesan pelaksanaan NF2F oleh setiap responden. Quizizz digunakan untuk menilai pencapaian dalam soalan-soalan objektif. Google classroom dan google docs digunakan untuk menilai pencapaian dalam soalan-soalan esei. Tiga topik dipilih sebagai bahan kajian iaitu Biodiversity, Coordination dan Immunity. Tempoh kajian dilaksanakan ialah selama satu semester iaitu 18 minggu. Dapatan kuantitatif menunjukkan berlaku peningkatan skor responden dari topik Biodiversity ke Immunity. Dapatan kualitatif menunjukkan berlaku perubahan sikap positif pelajar di mana pelajar semakin rajin berkonsultasi bersama pensyarah di luar kelas.

Kata kunci: *quizizz, google classroom, google docs*